



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN PENGUMPULAN  
BARANG PERMAINAN LAMA DAN BUKU  
TERPAKAI

### TARIKH / MASA / TEMPAT

09 OGOS 2020 (AHAD)  
9.00 PAGI

**GROW MARKET AUTOCITY JURU  
BUKIT MERTAJAM**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Encik Gary Teoh Kiang Hong**  
Pengarah Urusan Autocity Group

**Puan Billy Ong Bee Lee**  
Pengarah Golden Highway Autocity Sdn. Bhd.

**Cik Chee Hui Yee**  
Penganjur Grow Market Autocity Juru

**Kakitangan-Kakitangan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Para penduduk setempat dan Para Pengunjung**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul dalam Majlis Pelancaran Pengumpulan Permainan Lama dan Buku Terpakai di Grow Market Autocity Juru anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai bersama dengan pihak pengurusan Grow Market Autocity Juru.

Saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berusaha Encik Gary Teoh, dan Puan Billy Ong, Cik Chee Hui Yee; Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP, Yang Berusaha Puan Setiausaha Bandaraya, tuan-tuan dan puan-puan dalam bersama-sama memeriahkan majlis kita pada pagi yang barakah ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pengurusan Autocity Juru, Encik Gary Teoh dan Puan Billy Ong berserta Cik Chee Hui Yee selaku pengajur Grow Market kerana sudi bekerjasama dengan MBSP dalam menganjurkan program ini.

Sekalung penghargaan kepada Pengurusan Auto City Juru yang telah memberi ruang bagi komuniti memasarkan barang melalui program Karnival Upcycle. Karnival Upcycle telah beroperasi selama 40 bulan di Auto City pada setiap Sabtu pertama bermula jam 7.00 pagi hingga 10.30 malam. Selain itu, *Grow Community Market* juga diadakan pada setiap Ahad kedua jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Program-program ini telah mendapat sambutan yang amat mengalakkan di Auto City. Selain daripada penjualan produk upcycle, mereka juga mendidik warga Seberang Perai supaya barang-barang dibuang boleh di '*Recover*' melalui kreativiti mengguna semula bahan-bahan buangan. Ini dapat memanjang jangka hayat dan selanjutnya tidak melupus di tapak pelupusan sampah.

Susulan kejayaan Karnival Upcycle ini, pihak Pengurusan Design Village Outlet Mall Batu Kawan telah menunjukkan minat pihak untuk mengadakan program seumpama ini di kawasan mereka. Mereka juga telah menyediakan ruang bagi komuniti memasarkan barang pada setiap Ahad ketiga jam 11.00 pagi - 10.00 malam.

Syabas dan Tahniah atas kejayaan menganjurkan karnival ini dan terima kasih kerana sentiasa menyokong inisiatif yang dirancang dan

dilaksanakan oleh MBSP. Saya berharap agar program ini akan mendapat sambutan yang mengalakkan daripada pengunjung.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Kerjasama yang ditunjukkan oleh Autocity Juru, Growth Market dan Design Village dalam menwujudkan platform kepada usahawan-usahawan, petani-petani dan komuniti-komuniti tempatan dalam menghasilkan *homemade products* serta ruang bagi memasarkan produk mereka adalah amat-amat dihargai. Konsep pengumpulan produk-produk *upcycle, recycle* dan hasil tempatan di satu tempat adalah satu langkah dalam mengurangkan jejak karbon, dan ini sejajar dengan halatuju Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon pada 2022 dan Bandaraya Bebas Karbon pada 2030.

Kerjasama dengan pihak swasta sebegini merupakan satu bentuk *smart partnership* menggunakan konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*), di mana melalui pendekatan *people and private partnership*, MBSP bukan sahaja menjalinkan kerjasama dengan syarikat korporat, malahan juga melibatkan masyarakat setempat yang secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha

pemeliharaan alam sekitar dan bumi kita. Pihak pengurusan Auto City telah menunjukkan komitmen dan dedikasi yang amat tinggi dalam usaha-usaha *Corporate Social Responsibility* (CSR) untuk memelihara alam sekitar bersama-sama MBSP.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP sedang menyediakan *road map* ke arah *circular economy* bertujuan untuk mengukuhkan usaha untuk menjadikan Seberang Perai Bandar Raya Rendah Karbon pada tahun 2022, Bandar Raya *Carbon Neutral* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi Bandar Raya *Zero Carbon* (sifar karbon) pada tahun 2050. Usaha ini juga sejajar dengan Wawasan *Penang2030* untuk menjadikan Pulau Pinang “A *Family-Focused Green and Smart State That Inspires The Nation*”.

Justeru, MBSP amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua komuniti dan pihak swasta (perindustrian) di SPU, SPT dan SPS untuk memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barang yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan sesuai dengan konsep 8R

yang sentiasa saya war-warkan iaitu *Rethink; Refuse; Reduce; Re-use; Repair; Re-gift; Recover; dan Recycle*.

Tujuan program yang dijalankan pada hari ini adalah bagi mewujudkan kesedaran kepentingan ‘*smart consumption*’ bagi penjagaan alam sekitar demi masa hadapan. ‘*Smart consumption*’ merupakan satu elemen yang penting kerana semakin kurang sampah yang dihasilkan, maka kita dapat menjimatkan kos menguruskan sampah, menjaga alam sekitar dan memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah yang sedia ada iaitu di Pulau Burung.

MBSP *Smart Consumption Model 8R* merupakan satu konsep untuk mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat akan kepentingan pengurangan sisa dan meningkatkan minat dalam kitar semula barang buangan. Program pengumpulan barang permainan dan buku terpakai merupakan elemen ‘*Regift*’ dalam MBSP *Smart Comsumption Model* bagi penjagaan alam sekitar.

Barang-barang permainan terpakai yang dikumpulkan nanti akan disumbangkan kepada kanak-kanak miskin yang dapat menggunakan semula permaianan ini (*Reuse*). Selain itu, buku-buku terpakai yang

dikumpulkan untuk mewujudkan sudut bacaan oleh pemimpin-pemimpin masyarakat.

Adalah diharapkan banyak lagi syarikat swasta dari sektor perindustrian yang dapat menunjukkan komitmen yang tinggi serta melaksanakan ciri-ciri amalan hijau dengan cemerlang ke arah perubahan alam sekitar yang positif. Ini merupakan satu titik mula yang penting dalam membentuk masyarakat yang menjaga dan mencintai alam sekitar sejajar dengan matlamat MBSP untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) menjelang tahun 2022.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP bersama-sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memulakan langkah-langkah awal untuk mengawal dan mengurangkan sisa-sisa buangan ke tapak pelupusan sampah melalui pelbagai program *Waste To Protein*, *Waste To Compost* dan *Waste To Energy*. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan ialah Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, Kempen Makan Sampai Habis, Program Kitar Semula dan *Upcycle*, *Smart Consumption Model 8R*, Program LA21, penggunaan mesin kompos *Economical Food Waste Composter* atau EFWC dan pelbagai program-

program agar dapat mewujudkan persekitaran yang bersih dan hijau. Saya harus memberi pengiktirafan ini kepada anda semua dan semua komuniti Seberang Perai kerana kita berada dilandasan yang betul. Pengurusan sampah yang baik terutamanya sisa organik atau sisa makanan akan mengurangkan bau busuk, mencegah pembiakan makhluk perosak dan sekaligus memastikan alam sekitar lebih selesa dan sihat untuk didiami.

Saya bagi pihak MBSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk Seberang Perai yang menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MBSP selama ini dan berharap agar terus menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MBSP ke arah pembentukan Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

Akhir kata, saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Autocity Juru, Growth Market, Design Village, komuniti-komuniti dan individu-individu di Seberang Perai yang telah memberi kerjasama dan sokongan dalam menjayakan kesemua usaha dan program yang telah dibuat oleh MBSP. MBSP telah mensasarkan untuk menjadi sebuah bandaraya rendah karbon dan bandaraya pintar menjelang 2022. Oleh yang demikian, tema “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif”

telah dijadikan sebagai Visi Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022 yang menggambarkan komitmen serta usaha yang digembleng oleh MBSP dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdaya huni.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**